



Pensyarah UPM menang Pingat Emas Penyelidikan Rotary



SERDANG, 14 April – Profesor Jabatan Kejuruteraan dan Pembuatan, Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof. Mohd Sapuan Salit telah memenangi Anugerah Pingat Emas Penyelidikan Rotary baru-baru ini.

Anugerah daripada Royal Rotary Club Kuala Lumpur disampaikan oleh Penaung Kelab, Sultan Sharafuddin Idris Shah bagi menghargai kecemerlangan penyelidik itu dalam penyelidikan asli dan pencapaian dalam kejuruteraan mekanikal.

Prof. Mohd Sapuan yang merupakan pakar bidang polimer komposit telah menerbitkan 300 kertas kerja jurnal, kertas kerja dalam persidangan, tujuh buku, tiga buku disunting, 15 bab dalam buku-buku dan tiga paten.



Selain itu beliau adalah Naib Presiden Asian Polymer Association serta penerima ISESCO Science in Technology 2008.

Royal Rotary Club Kuala Lumpur merupakan persatuan yang menggalakkan program khidmat masyarakat serta keharmonian antara komuniti.

Berita ini disediakan oleh Noor Eszereen Juferi (Tel: 8946 6187)

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia